

UMS bukan tempat memuaskan kepentingan diri

08 6.9.2014 #13

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

KOTA KINABALU: Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta tidak meletakkan universiti berkenaan sebagai tempat memuaskan kepentingan diri dan agenda peribadi.

Naib Canselor UMS Datuk Dr Harun Abdullah menegaskan bahawa tidak ada ruang diberikan kepada mereka yang membawa universiti berkenaan ke kancuh kehancuran, huru-hara, demonstrasi, vandalisme dan perkara yang negatif.

“Harus diingat tujuan utama pelajar ke universiti adalah dengan harapan membawa segulung Ijazah kelak serta berjaya dalam kehidupan pada masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baharu UMS, di sini kelmarin.

Harun berkata, para pelajar diminta untuk menghayati Lafaz Ikrar serta Aku Janji Mahasiswa berkenaan dengan sepenuh hati serta memahami maksud bait-bait ikrar berkenaan.

“Ini kerana, ikrar yang dilafazkan akan menjadi panduan serta bimbingan kepada para pelajar untuk mengapai kejayaan serta kecemerlangan yang penuh gemilang,” katanya.

Harun berkata, di UMS para pelajar mampumencapai ketinggian

ilmu dan standard profesionalisme yang sama seperti universiti di rantau lain kerana UMS memiliki tenaga akademik yang berkelayakan dan berpengalaman.

Bagaimanapun katanya, sebagai seorang mahasiswa adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melakukan tugas melalui pembacaan yang luas dan tidak hanya bergantung kepada nota yang diberikan oleh pensyarah dalam bilik kuliah.

“Tambahlah ilmu pengetahuan yang diperoleh di dewan-dewan kuliah dengan memperbanyakkan rujukan tambahan,” katanya.

Katanya, dalam membentuk insan graduan yang berketrampilan

sosial, UMS telah menyusun sebuah buku panduan yang bertajuk ‘Etiquette’.

“Buku panduan ini akan memberikan anda pengetahuan mengenai etika ketepatan masa, nilai-nilai moral kehidupan, kenegaraan, saling menghargai antara satu sama lain serta tata susila bahasa.

“Saya berharap anda semua akan mendapatkan buku ini untuk dijadikan panduan, kerana di dalamnya tersirat visi dan misi UMS yang bertujuan melahirkan graduan cemerlang dari segi pengetahuan dan kemahiran serta terpuji dari segi tingkah laku, adab dan sopan santun,” katanya.



HARUN ketika berucap.



SEWAKTU acara Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baharu.